

Personaliti Sukan

Turut berbakat dalam tenis, bola

SOALAN: Bagaimana pembabitan ada dalam arena sukan bermula?

Sebenarnya saya bermula dengan sukan bola sepak dan tenis semasa di sekolah rendah dan hanya di sekolah menengah, terlibat dengan hoki. Selepas itu berminat bola sepak dan tenis selepas bertukar sekolah semasa Tingkatan Tiga. Sehingga sekarang kalau di universiti, saya turut terlibat dalam acara ini namun sekarang, hoki menjadi keutamaan dengan beraksi mewakili pasukan UMP.

SOALAN: Dalam tiga acara ini, sukan mana paling minat?

Kalau ikutkan, saya tidak meletakkan pilihan utama, kerana saya memang aktif dalam arena sukan. Ia sudah sebatang kara dengan gaya hidup saya. Lagipun setiap satu mempunyai kelebihan dan perbezaan masing-masing. Secara tidak langsung banyak memberikan kelebihan kepada saya.

SOALAN: Apakah yang anda harapkan dengan pembabitan anda dalam arena sukan?

Saya mengharapkan ia dapat membantu dalam pelajaran kerana sekarang, penilaian turut dilakukan berdasarkan kemahiran dan penyertaan dalam bidang kokurikulum seperti sukan. Ia juga mampu menjaga kesihatan saya dengan bersukan, kita dapat mengekalkan kecergasan mental dan fizikal.

Nama: Muhamad Izzat Haslan

Umur: 19 tahun

Tarikh Lahir: 10 Ogos 1989, Rompin

Status: Pemain Universiti Malaysia
Pahang (UMP)

Sukan: Hoki



SOALAN: Apakah perancangan dan perkembangan terkini anda?

Saya mengharapkan hasrat untuk menjadi jurutera berjaya tercapai kerana ini adalah cita sejak kecil, dan dalam sukan, mampu mengharumkan nama universiti, apatah lagi dengan penyertaan pasukan julung kalinya dalam Liga Hoki Masam tahun ini, berbaloi.